

# **PENDEDAHAN MAKLUMAT KEWANGAN MENERUSI INTERNET: PRAKTIS DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENENTU SYARIKAT**

**MOHD NOOR AZLI BIN ALI KHAN**

[m-nazli@utm.my](mailto:m-nazli@utm.my)

**CHIO LI FEN  
TAN WAN TENG**

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia  
Universiti Teknologi Malaysia

## **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan amalan pelaporan penyata kewangan menerusi internet dalam laporan tahunan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Objektif utama kajian untuk melihat sama ada wujud hubungan di antara pendedahan maklumat kewangan menerusi internet dengan penentu syarikat. Sampel kajian ini terdiri daripada keseluruhan 598 buah syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sehingga berakhir pada 31 Disember 2003. Hasil kajian mendapati sebanyak 357 buah (65.9%) syarikat mempunyai laman Web dengan 259 buah (72.5%) syarikat mendedahkan maklumat kewangan sekaligus menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bilangan syarikat yang mendedahkan maklumat kewangan menerusi Internet di Malaysia. Seterusnya, melalui ujian statistik yang dilakukan menunjukkan bahawa saiz syarikat, keuntungan syarikat dan jenis industri adalah antara penentu yang mempunyai hubungan yang positif dengan amalan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet bagi syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia.

## **PENGENALAN**

Kepentingan teknologi khususnya penggunaan internet telah membuka ruang dimensi baru dalam kehidupan moden. Internet sebagai medium perantaraan berupaya memudahkan sesuatu urusan. Selain praktikal, dunia juga menjadi semakin dekat dan rapat menerusi kelebihan yang ada pada internet. Sejajar dengan perubahan persekitaran perniagaan yang semakin global, internet mula digunakan secara meluas dan menjadi pilihan oleh kebanyakan syarikat dengan wujudnya laman web masing-masing. Laman web tersebut telah menjadikan sesebuah syarikat berupaya mengiklankan dan mendedahkan maklumat-maklumat aktiviti perniagaan dan kewangan dengan lebih cepat, pantas dan meluas. Secara tidak langsung, pembangunan internet bertindak sebagai satu media global khususnya dalam mendedahkan maklumat kewangan kepada pengguna maklumat perakaunan telah melahirkan satu persekitaran pelaporan yang baru.

Selain itu, kemajuan pesat dalam teknologi internet dan *World Wide Web* (WWW) juga turut memberikan impak yang besar terhadap model perniagaan tradisional. Kebanyakan syarikat di seluruh dunia mendedahkan maklumat tentang aktiviti perniagaan mereka melalui laman web. Hasil kajian terdahulu membuktikan terdapatnya pertambahan bilangan syarikat yang mendedahkan maklumat kewangan melalui laman web syarikat. Tambahan lagi, pengguna maklumat kewangan yang utama terdiri daripada pelabur dan pelabur berpotensi, pekerja, pemiutang, pembekal, pelanggan, kerajaan dan agensi tertentu serta orang ramai. Pendedahan maklumat kewangan menerusi internet memudahkan pengguna maklumat kewangan mendapatkan informasi yang diperlukan di samping meningkatkan ketepatan masa maklumat jika dibandingkan dengan laporan tradisional. Memandangkan terdapat semakin ramai individu yang melabur secara atas talian tanpa berunding dengan penganalisis atau broker, maka internet diperlukan untuk mendapatkan maklumat kewangan dengan cepat dan tepat pada masa berbanding sebelumnya (Noor Azizi dan Mahamad, 2000).

Berdasarkan kelebihan yang ada pada internet, peningkatan bilangan syarikat yang mempunyai laman web di seluruh dunia telah mewujudkan trend baru. Malahan dengan perkembangan peratusan bilangan syarikat yang mendedahkan maklumat pelaporan perniagaan termasuklah maklumat kewangan melalui laman web merupakan satu penambahan kepada maklumat jualan dan perkhidmatan pelanggan yang sedia ada (Kamarulbaraini dan Khairul, 2005).

Sejak kebelakangan ini, pendedahan *Internet Financial Reporting* (IFR) merupakan subjek kajian yang semakin popular. Amalan dan praktis IFR telah dikaji oleh kebanyakan pengkaji luar seperti Iqbal (2005), Pervan (2005), Laswad et.al. (2005), Fisher et.al. (2004), Trabelsi et.al. (2004), Oyelere et.al. (2003), Marston (2003), Debreceny et.al. (2002), Allam dan Lymer (2002), McDonald dan Lont (2001), Craven dan Marston (1999), Deller et.al. (1999), Pirchegger dan Wagenhofer (1999) dan Brennan dan Hourigan (1998). Manakala, kajian-kajian terdahulu tentang IFR di Malaysia telah dikaji oleh pengkaji tempatan seperti Fathilatul Zakimi (2005), Kamarulbaraini dan Khairul (2005), Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004), Rosli et.al. (2003), Salleh et.al. (2002) dan Noor Azizi dan Mahamad (2000).

Oleh yang demikian, timbul persoalan bagaimanakah amalan terkini pendedahan maklumat kewangan menerusi internet yang diamalkan oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia? Adakah wujud hubungan di antara pendedahan maklumat kewangan menerusi internet dengan penentu-penentu syarikat seperti saiz syarikat, keberuntungan syarikat, jenis industri, kecairan syarikat, leveraj syarikat dan firma audit yang mengaudit syarikat?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian berkenaan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet oleh syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Objektif utama yang cuba dicapai di dalam kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada wujud hubungan di antara pelaporan kewangan menerusi internet dengan penentu syarikat iaitu

saiz syarikat, keberuntungan syarikat, jenis industri, kecairan syarikat, leveraj syarikat dan firma audit yang mengaudit syarikat. Objektif lain yang cuba dicapai di dalam kajian ini adalah untuk mengetahui praktis terkini pendedahan maklumat kewangan menerusi internet oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.

## **KAJIAN LITERATUR**

Hasil kajian Fathilatul Zakimi (2005) menunjukkan bahawa daripada 100 buah syarikat yang dijadikan sampel kajian, hanya 74% syarikat mempunyai laman web. Manakala, hasil kajian yang dilakukan oleh Kamarulbaraini dan Khairul (2005) tentang peringkat penggunaan semasa pelaporan kewangan syarikat melalui laman web bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia mendapati bahawa 50.9% syarikat daripada syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia mempunyai laman web. Manakala, sektor industri teknologi dan hotel merupakan jenis industri yang paling banyak membangunkan laman web dan masing-masing menyumbang 85% dan 83%. Malahan, tiada sebarang syarikat dalam industri perlombongan, amanah dan dana tertutup membangunkan laman web.

Hasil kajian Iqbal (2005) menunjukkan bahawa 75% (75 buah syarikat) syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur mempunyai laman web berbanding 87% (39 buah syarikat) syarikat yang tersenarai Bursa Saham Singapura. Hasil kajian Iqbal (2005) turut mendedahkan bahawa syarikat yang tersenarai di Singapura lebih cenderung menggunakan internet sebagai medium menyampaikan maklumat berbanding syarikat yang tersenarai di Malaysia.

Kajian Pervan (2005) mendedahkan kesemua 38 buah syarikat saham bersama di Croatia mempunyai laman web yang asas, manakala hanya 53.6% (20 buah syarikat) mengamalkan penggunaan internet dalam menerbitkan penyata kewangan syarikat. Seterusnya, laporan tahunan yang lengkap didedahkan kepada pihak awam melalui internet hanya 39.4% (15 buah syarikat).

Hasil kajian Rosli et.al. (2003) menunjukkan bahawa daripada 868 buah syarikat, terdapat 236 (27%) buah syarikat mempunyai laman web yang boleh disambung dari laman web Bursa Malaysia. Sebanyak 52% syarikat daripada 236 buah syarikat yang mempunyai laman web mengamalkan IFR. Daripada segi analisis mengikut industri didapati bahawa sektor perdagangan/perkhidmatan dan produk perindustrian merupakan jenis industri yang paling banyak terlibat dalam IFR iaitu masing-masing 21% dan 20%, diikuti oleh kewangan 18%, harta benda 11% dan produk pengguna 8%.

Melihat kepada apa yang berlaku di Malaysia, didapati kekurangan kajian secara empirikal dijalankan dalam bidang pendedahan maklumat kewangan di Malaysia. Walaupun telah ada usaha untuk meneroka isu tersebut sepertimana yang dilakukan oleh Fathilatul Zakimi (2005), Kamarulbaraini dan Khairul (2005) dan Rosli et.al. (2003), namun kajian yang dijalankan sekadar melihat praktis pelaporan kewangan menerusi internet dalam laporan tahunan sahaja. Belum ada lagi kajian yang cuba menguji sama

ada wujud hubungan di antara pendedahan maklumat kewangan menerusi internet dengan penentu syarikat di Malaysia. Tambahan pula, kajian yang sedia ada tidak dapat menjawab persoalan yang telah diutarakan. Seterusnya, kajian yang akan dijalankan ini cuba untuk memenuhi kekurangan tersebut.

Oleh yang demikian, kajian empirikal ini dijalankan berasaskan kepada persoalan kajian tadi iaitu untuk mengkaji aplikasi terkini amalan pelaporan maklumat kewangan menerusi internet dan hubungannya dengan penentu syarikat seperti saiz syarikat, keberuntungan syarikat, jenis industri, kecairan syarikat, leveraj syarikat dan firma audit yang mengaudit syarikat. Perkara ini sebenarnya menjadi motivasi terhadap kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Populasi kajian ini terdiri daripada kesemua 598 buah syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sehingga 31 Disember 2003 iaitu berdasarkan kepada statistik penyenaian Bursa Malaysia (2004). Kesemua 598 buah syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia diambil kira sebagai sampel kajian. Ini adalah berdasarkan kaedah persampelan yang digunakan oleh Oyelere et.al. (2003) dalam kajiannya ke atas penentu amalan IFR bagi kesemua 229 buah syarikat yang tersenarai di New Zealand Stock Exchange (NZSE) pada akhir tahun 1998. McDonald dan Lont (2001) turut menggunakan kesemua 212 buah syarikat yang tersenarai di NZSE bagi menilai tahap pendedahan maklumat kewangan melalui laman web syarikat.

Dalam kajian ini, senarai semakan digunakan untuk mengumpul data yang diperlukan. Menurut Heizer dan Render (2001), senarai semakan merupakan salah satu jenis borang yang direkabentuk untuk merekod data tertentu oleh pengkaji kajian. Senarai semakan dilengkapi dengan data yang diperoleh daripada maklumat kewangan setiap syarikat. Data yang berkaitan dikumpul daripada laman web syarikat. Bagi syarikat yang tidak mempunyai laman web atau mempunyai laman web tetapi tidak mendedahkan maklumat kewangan melalui internet, maka laporan tahunan bercetak akan dirujuk.

Sebanyak 598 buah sampel syarikat dikenal pasti melalui *Investor Digest* yang diterbitkan pada pertengahan bulan Januari 2004. *Internet Explorer 6.0* digunakan untuk mencapai kebanyakan laman web syarikat yang mempunyai sambungan dari laman web Bursa Malaysia. Selain itu, pelbagai enjin pencarian seperti *Yahoo*, *Alta Vista* dan *Google* serta panggilan telefon turut digunakan untuk mendapatkan laman web syarikat. Sekiranya kedua-dua sumber di atas gagal menghasilkan data yang diperlukan, maka laporan tahunan bercetak syarikat diperoleh dari Balai Maklumat Bursa Malaysia yang terletak di Menara Ansar, Johor Bahru dan Bursa Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur. Pengumpulan data bermula dari 22 November 2004 hingga 31 Disember 2004 dengan mengambil masa selama enam minggu.

Syarikat dibahagikan kepada dua kumpulan sampel, iaitu syarikat yang mendedahkan maklumat kewangan menerusi internet (IFRC) dan syarikat yang tidak mempunyai laman web atau yang mempunyai laman web tetapi tidak mendedahkan maklumat

kewangan menerusi internet (N-IFRC). Ini berdasarkan kajian Oyelere et.al. (2003) yang membahagikan syarikat kepada IFRC dan N-IFRC. Syarikat dikelaskan sebagai mengamalkan IFR apabila laman web syarikat, (1) digunakan untuk mendedahkan penyata kewangan yang komprehensif dan/atau maklumat kewangan yang penting; (2) mempunyai sambungan kepada laporan tahunan syarikat menerusi internet; atau (3) mempunyai sambungan ke laman web Bursa Malaysia. Ini adalah berdasarkan cara pengklasifikasian syarikat yang dijalankan oleh Kamarulbaraini dan Khairul (2005), dan Ashbaugh et.al. (1999).

Pada peringkat penganalisan data, data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara kuantitatif. Analisis kuantitatif dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 12.0 *Windows*. Dalam kajian ini, analisis deskriptif dan analisis statistik digunakan dalam penganalisan data.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Berikut ialah perbincangan mengenai pembentukan hipotesis dan kajian lepas yang berkaitan.

*Saiz syarikat:* Teori Agensi, *Signaling Theory*, Teori Proses Politik dan analisis kos faedah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara saiz syarikat dengan pendedahan (Craven dan Marston, 1999). Biasanya, syarikat yang lebih besar memerlukan dana luaran yang lebih besar. Ini membawa kepada peningkatan kos agensi akibat daripada konflik faedah antara pemegang saham, pengurus dan penghutang. Maka, peningkatan pendedahan dapat digunakan untuk mengurangkan kos agensi dan ketidakseimbangan maklumat tersebut. Syarikat yang lebih besar adalah lebih nyata dalam masyarakat dan tertakluk kepada kos politik yang lebih tinggi seperti kos regulasi, pemiliknegeraan dan penamatan syarikat. Kos politik ini dapat dikurangkan dengan meningkatkan pendedahan. Kos pemilikan adalah lebih kecil bagi syarikat yang lebih besar, ini dapat meningkatkan insentif syarikat untuk memperbaiki pendedahan. Selain itu, syarikat yang lebih besar juga lebih berinsentif untuk memperbaiki pendedahan bagi menunjukkan kualiti mereka. Oleh itu, syarikat yang lebih besar dijangkakan mempunyai tahap pendedahan yang lebih tinggi berbanding dengan syarikat yang lebih kecil (Marston, 2003; Craven dan Marston, 1999; Inchausti, 1997).

Berdasarkan perbincangan di atas, maka hipotesis seperti berikut dibentuk:

$H_1 =$  Terdapat hubungan yang positif antara saiz syarikat dengan pendedahan IFR.

*Keuntungan syarikat:* Apabila kadar pulangan adalah tinggi, pengurus lebih bermotivasi untuk mendedahkan maklumat. Sebaliknya apabila kadar pulangan rendah, pengurus kurang mendedahkan maklumat bagi menyembunyikan kerugian atau pengurangan keuntungan (Singhvi dan Desai, 1971). Teori Agensi menyatakan bahawa pengurus dalam syarikat yang memperoleh keuntungan yang tinggi akan menggunakan maklumat luaran untuk mendapat kelebihan tersendiri. Jadi, mereka akan mendedahkan maklumat kewangan untuk menyokong kesinambungan kedudukan mereka. Dalam *signaling theory*, pemilik disifatkan sebagai berminat untuk menyebarkan berita baik kepada

pasaran bagi mengelakkan berkurangnya nilai syer mereka. Teori Proses Politik pula menyatakan syarikat yang memperoleh keuntungan yang tinggi lebih berminat untuk mendedahkan maklumat bagi membuktikan tahap keuntungan mereka. Maka, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi keberuntungan sesebuah syarikat, semakin tinggi tahap pendedahan maklumat (Inchausti, 1997).

Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis yang diuji dinyatakan seperti berikut:

$H_2$  = Terdapat hubungan yang positif antara keberuntungan syarikat dengan pendedahan IFR.

*Jenis industri:* Menurut Craven dan Marston (1999), hubungan antara pendedahan dengan jenis industri adalah dicadangkan oleh Teori Proses Politik dan *signaling theory* tetapi bukan Teori Agensi. Syarikat dalam industri boleh mempengaruhi politik sesebuah syarikat, maka syarikat dalam industri yang sama lebih cenderung untuk menerima tahap pendedahan yang sama. Sekiranya sesebuah syarikat dalam industri tidak mengikut tindakan syarikat yang lain, maka syarikat tersebut mungkin ditafsirkan sebagai satu penanda pasaran yang tidak baik dengan cuba menyembunyikan berita buruk. Menurut Inchausti (1997) pula, syarikat dalam industri yang sama akan mendedahkan maklumat tambahan yang hampir serupa dan polisi pendedahan maklumat kewangan adalah berbeza antara industri.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini cuba menjawab persoalan tentang sama ada wujud hubungan di antara pelaporan kewangan menerusi internet dengan jenis industri. Oleh yang demikian, hipotesis berikut dibentuk:

$H_3$  = Terdapat hubungan yang positif antara jenis industri dengan pendedahan IFR.

*Kecairan syarikat:* Pengatur, pelabur dan pengguna syarikat yang lain sentiasa mengambil berat tentang status kesinambungan syarikat. Ini telah mendorong syarikat yang mempunyai kecairan yang tinggi untuk mendedahkan tahap kecairan tersebut dengan menggunakan pendedahan secara sukarela melalui Internet (Owusu-Ansah, 1998; Wallace dan Naser, 1995). Pendedahan maklumat kewangan menerusi internet boleh dijadikan sebagai satu lambang keyakinan pengurusan dalam keteguhan dan prospek hadapan syarikat (Oyelere *et. al*, 2003).

Berdasarkan perbincangan di atas, maka hipotesis seperti berikut dibentuk:

$H_4$  = Terdapat hubungan yang positif antara kecairan syarikat dengan pendedahan IFR.

*Leveraj syarikat:* Teori Agensi banyak digunakan untuk menerangkan hubungan antara leveraj syarikat dengan pendedahan. Syarikat yang mempunyai kadar leveraj yang tinggi akan mendedahkan maklumat yang lebih banyak. Ini adalah kerana maklumat boleh digunakan untuk mengelakkan kos agensi dalam hubungan antara pemilik dengan pengurus dan mengurangkan ketidakseimbangan maklumat (Inchausti, 1997). Kos agensi adalah lebih tinggi bagi syarikat yang mempunyai tahap hutang yang tinggi dalam struktur modal mereka. Pendedahan secara sukarela dapat mengurangkan kos agensi tersebut dengan memudahkan pembekal hutang menilai keupayaan syarikat untuk memenuhi hutang tersebut (Jensen dan Meckling, 1976). Syarikat yang mempunyai kadar leveraj

yang tinggi lebih berinsentif untuk meningkatkan tahap pendedahan maklumat secara sukarela kepada pemegang kepentingan melalui IFR (Oyelere *et. al*, 2003).

Maka hipotesis ini boleh dinyatakan seperti berikut:

H<sub>5</sub> = Terdapat hubungan yang positif antara leveraj syarikat dengan pendedahan IFR.

*Jenis firma audit yang mengaudit syarikat:* Menurut Inchausti (1997), syarikat yang diaudit oleh firma audit yang besar biasanya mendedahkan maklumat yang lebih banyak berbanding syarikat yang diaudit oleh firma audit yang kecil. Firma audit boleh menggunakan maklumat yang didedahkan oleh pelanggan bagi menunjukkan kualiti mereka. Singhvi dan Desai (1971), menyatakan bahawa saiz firma audit memainkan peranan dalam menentukan polisi pendedahan syarikat. Firma audit yang besar menggalakkan syarikat mendedahkan lebih banyak maklumat untuk menjaga reputasi mereka. Jensen dan Meckling (1976) menyatakan syarikat yang diaudit oleh firma audit yang besar mempunyai kos agensi yang lebih tinggi. Oleh itu, mereka cuba menandatangani kontrak dengan firma audit supaya kos agensi tersebut dapat dikurangkan. Maka terdapat hubungan yang positif antara kategori firma audit dengan keputusan pendedahan.

Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis yang diuji dinyatakan seperti berikut:

H<sub>6</sub> = Terdapat hubungan yang positif antara kategori firma audit dengan pendedahan IFR.

## DAPATAN KAJIAN

Perbincangan untuk dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu amalan pelaporan kewangan menerusi internet dan hubungan penentu syarikat dengan pendedahan IFR.

### AMALAN PELAPORAN KEWANGAN MENERUSI INTERNET

Sehingga 31 Disember 2003, hasil kajian mendapati bahawa majoriti daripada syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia mempunyai laman web. Berdasarkan Jadual 1, 65.9% (357 buah syarikat) mempunyai laman web berbanding hanya 34.1% (185 buah syarikat) tidak mempunyai laman web. Keputusan ini selari dengan beberapa kajian terdahulu seperti Oyelere *et. al* (2003), McDonald dan Lont (2001), Craven dan Marston (1999) dan Ashbaugh *et. al* (1999) dengan masing-masing menunjukkan 53.7%, 70.7%, 74% dan 87% syarikat mempunyai laman web.

**Jadual 1: Bilangan Laman web Syarikat**

<i>Item</i>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus %</b>
Ada laman web	357	65.9
Tiada laman web	185	34.1
<b>Jumlah</b>	<b>542</b>	<b>100</b>

Selain itu, keputusan ini turut menunjukkan bahawa terdapat perkembangan pembangunan laman web bagi syarikat-syarikat di Malaysia. Ini dapat dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Noor Azizi dan Mahamad (2000), Salleh et.al. (2002), Rosli et.al. (2003) dan Kamarulbaraini dan Khairul (2005) yang masing-masing mendapati hanya 31.6%, 26.3%, 27% dan 50.9% daripada syarikat mempunyai laman web. Peningkatan ini disebabkan oleh perkembangan penggunaan teknologi internet dan WWW di Malaysia sejak kebelakangan ini serta laman web syarikat diperoleh dengan menggunakan pelbagai enjin pencarian selain daripada hanya bergantung kepada laman web syarikat yang mempunyai sambungan dari laman web Bursa Malaysia.

## **HUBUNGAN DENGAN PENENTU SYARIKAT**

Analisis dalam bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang mempunyai hubungan di antara pendedahan maklumat kewangan menerusi internet dengan penentu syarikat.

### ***CIRI SYARIKAT***

Berdasarkan Jadual 2, terdapat sebanyak 259 buah syarikat dikategorikan sebagai IFRC manakala 283 buah syarikat dikategorikan sebagai N-IFRC yang terdiri daripada 169 buah syarikat yang tidak mempunyai laman Web dan 114 buah syarikat yang mempunyai laman web tetapi tidak mendedahkan maklumat kewangan.

**Jadual 2: Pengelasan Syarikat**

<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus %</b>
IFRC	259	47.8
N-IFRC	283	52.2
<b>Jumlah</b>	<b>542</b>	<b>100</b>

### **SAIZ SYARIKAT**

Merujuk kepada Jadual 3, syarikat yang terlibat dalam IFR secara umumnya mempunyai purata jumlah aset yang lebih besar berbanding dengan syarikat-syarikat yang tidak terlibat dalam IFR. Purata jumlah aset IFRC yang berjumlah RM4,454,807,620 adalah jauh lebih besar berbanding dengan purata jumlah aset N-IFRC yang hanya bernilai RM1,300,785,100.



**Jadual 3: Statistik deskriptif bagi hubungan antara saiz syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	Statistik	IFRC ('000)	N-IFRC ('000)	Semua Syarikat ('000)
Saiz Jumlah aset	Min	RM 4,454,807.62	RM 1,300,785.10	RM 2,807,965.60
	Median	RM 742,115.55	RM 332,534.60	RM 495,321.91
	Sisihan Piawai	RM 14,290,360.47	RM 5,255,812.45	RM10,689,920.70
	Percentile 25	RM 358,002.93	RM 174,779.64	RM 224,930.24
	Percentile 75	RM 2,121,562.00	RM 843,950.00	RM 1,332,079.63

Berdasarkan Jadual 4, hasil ujian-*t* tidak bersandar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara saiz syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet pada aras keertian 1%. Ini disebabkan nilai signifikan yang diberikan oleh output (0.001) adalah lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan (0.01). Maka, ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara saiz syarikat dengan pendedahan IFR dan keputusan ini menyokong  $H_1$ .

**Jadual 4: Ujian-*t* tidak bersandar bagi hubungan antara saiz syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	Beza Antara Min	Ralat Piawai bagi Min	Nilai <i>t</i>	Tahap Signifikan
<b>Ujian-<i>t</i></b>	RM 3,154,022,528.62	RM 910,029,270.82	3.466	0.001

\* Signifikan pada aras keertian 1%.

Hasil kajian ini selari dengan keputusan kajian Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004), Oyelere et.al. (2003), Craven dan Marston (1999) dan Ashbaugh et.al. (1999) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara saiz syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet.

## **KEUNTUNGAN SYARIKAT**

Berdasarkan Jadual 5, syarikat-syarikat yang mengamalkan IFR mempunyai purata pulangan atas jumlah aset yang lebih tinggi berbanding dengan syarikat-syarikat yang tidak mengamalkan IFR. Min pulangan atas jumlah aset bagi IFRC ialah 3.96

berbanding dengan hanya 2.24 bagi N-IFRC. Sementara sisihan piawai bagi IFRC dan N-IFRC masing-masing ialah 6.02 dan 11.25.

**Jadual 5: Statistik deskriptif bagi hubungan antara keberuntungan syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	Statistik	IFRC	N-IFRC	Semua Syarikat
<b>Keberuntungan Pulangan atas jumlah aset</b>	Min	3.96	2.24	3.06
	Median	3.39	3.59	3.52
	Sisihan Piawai	6.02	11.25	9.16
	Percentile 25	1.11	0.48	0.85
	Percentile 75	6.99	7.25	7.11

Di samping itu, hasil ujian-*t* tidak bersandar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 mendapati bahawa tahap signifikan ialah 0.029, iaitu adalah lebih kecil daripada aras keertian yang telah ditetapkan iaitu 0.05. Maka, hasil kajian ini menyokong  $H_2$  dalam kajian ini yang bermaksud terdapat hubungan yang positif antara keberuntungan syarikat dengan pendedahan IFR pada aras keertian 5%.

**Jadual 6: Ujian-*t* tidak bersandar bagi hubungan antara keberuntungan syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	Beza Antara Min	Ralat Piawai bagi Min	Nilai t	Tahap Signifikan
<b>Ujian-<i>t</i></b>	1.72210	0.78515	2.193	0.029**

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%.

Hasil kajian ini selari dengan kajian Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004) dan Ashbaugh et.al. (1999) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara keberuntungan syarikat dengan pendedahan IFR. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini tidak selari dengan kajian Oyelere *et. al* (2003) dan Marston (2003). Kedua-dua hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara keberuntungan syarikat dengan pendedahan IFR.

## JENIS INDUSTRI

Berdasarkan hasil ujian Khi Kuasa Dua pada Jadual 7, didapati tahap signifikan ialah 0.000, iaitu kurang daripada aras keertian yang ditetapkan (0.01), maka wujud perbezaan yang signifikan secara statistik antara jenis industri dengan pendedahan IFR apabila IFRC dan N-IFRC dibandingkan pada aras keertian 1%. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara jenis industri dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet dan  $H_3$  diterima dalam kajian ini.

**Jadual 7: Ujian Khi Kuasa Dua bagi hubungan antara jenis industri dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	Nilai Khi Kuasa Dua	<i>df</i>	Tahap Signifikan
<b>Khi Kuasa Dua Pearson</b>	44.213	12	0.000*

\* Signifikan pada aras keertian 1%.

*df* ialah darjah kebebasan

Hasil kajian ini selari dengan kajian Oyelere *et. al* (2003) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara jenis industri dengan pendedahan IFR. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini tidak selari dengan hasil kajian Marston (2003) dan kajian Craven dan Marston (1999) yang menggunakan ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara jenis industri dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet.

### **KECAIRAN SYARIKAT**

Merujuk kepada Jadual 8, min jumlah tunai daripada jumlah aset adalah sama antara IFRC dengan N-IFRC, iaitu 0.10. Maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecairan syarikat dengan pendedahan IFR apabila IFRC dan N-IFRC dibandingkan.

**Jadual 8: Statistik deskriptif bagi hubungan antara kecairan syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	Statistik	IFRC	N-IFRC	Semua Syarikat
<b>Kecairan</b> Jumlah tunai daripada jumlah aset	Min	0.10	0.10	0.10
	Median	0.07	0.05	0.06
	Sisihan Piawai	0.11	0.14	0.13
	Percentile 25	0.03	0.01	0.02
	Percentile 75	0.14	0.14	0.14

Berdasarkan Jadual 9, ujian-*t* tidak bersandar digunakan untuk mengkaji hubungan antara kecairan syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecairan syarikat dengan pendedahan IFR apabila IFRC dan N-IFRC dibandingkan pada aras keertian 5%. Ini disebabkan nilai signifikan yang diberikan oleh output (0.9650) adalah lebih besar daripada aras keertian yang telah ditetapkan (0.05). Oleh yang demikian,  $H_4$  ditolak dalam kajian ini dan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara kecairan syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet.

**Jadual 9: Ujian-*t* tidak bersandar bagi hubungan antara kecairan syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	<b>Beza Antara Min</b>	<b>Ralat Piawai bagi Min</b>	<b>Nilai t</b>	<b>Tahap Signifikan</b>
<b>Ujian-<i>t</i></b>	-0.0005	0.01097	-0.044	0.9650**

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%.

Hasil kajian ini tidak selaras dengan kajian Oyelere et.al. (2003) yang menggunakan ujian-*t* satu hujung. Keputusannya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kecairan syarikat dengan pendedahan IFR. Perbezaan ini mungkin dipengaruhi oleh sikap pelabur dan pengguna-pengguna maklumat kewangan syarikat yang lain terhadap tahap kesinambungan atau kecairan syarikat di sesebuah negara.

### **LEVERAJ SYARIKAT**

Merujuk Jadual 10, min nisbah hutang ekuiti bagi IFRC ialah 1.97 dan 1.82 bagi N-IFRC. Maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara leveraj syarikat apabila IFRC dan N-IFRC dibandingkan.

**Jadual 10: Statistik deskriptif bagi hubungan antara leveraj syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	<b>Statistik</b>	<b>IFRC</b>	<b>N-IFRC</b>	<b>Semua Syarikat</b>
<b>Leveraj Nisbah hutang ekuiti</b>	Min	1.97	1.82	1.89
	Median	0.75	0.60	0.70
	Sisihan Piawai	3.37	9.12	6.98
	Percentile 25	0.40	0.24	0.31
	Percentile 75	1.80	1.35	1.48

Berdasarkan hasil ujian-*t* tidak bersandar pada Jadual 11, didapati bahawa tahap signifikan ialah 0.8000, iaitu lebih besar daripada aras keertian 0.05, maka hasil kajian menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan secara statistik dalam leveraj syarikat antara IFRC dan N-IFRC pada aras keertian 5%. Oleh yang demikian,  $H_0$  akan ditolak dalam kajian ini dan memberi maksud bahawa tidak terdapat hubungan antara leveraj syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004) dan Oyelere et.al. (2003).

**Jadual 11: Ujian-*t* tidak bersandar bagi hubungan antara leveraj syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	<b>Beza Antara Min</b>	<b>Ralat Piawai bagi Min</b>	<b>Nilai t</b>	<b>Tahap Signifikan</b>
<b>Ujian-<i>t</i></b>	0.1523	0.60087	0.2530	0.8000**

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%.

Keputusan yang diperoleh ini selaras dengan hasil kajian Oyelere et.al. (2003) yang membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang positif antara leveraj syarikat dengan pendedahan IFR apabila IFRC dan N-IFRC dibanding dengan menggunakan ujian-*t*. Hasil kajian Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004) juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara leveraj syarikat dengan pendedahan IFR dengan menggunakan ujian Mann-Whitney.

### **KATEGORI FIRMA AUDIT**

Merujuk Jadual 12, syarikat yang diaudit oleh *Big Four* bagi IFRC ialah 194 buah syarikat manakala bagi N-IFRC ialah 204 buah syarikat, sementara 65 buah syarikat dalam IFRC dan 79 buah syarikat dalam N-IFRC menggunakan firma audit bukan *Big Four*. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori firma audit apabila IFRC dan N-IFRC dibandingkan.

**Jadual 12: Statistik deskriptif bagi hubungan antara kategori firma audit dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	<b>Statistik</b>	<b>IFRC</b>	<b>N-IFRC</b>	<b>Semua Syarikat</b>
<b>Firma audit</b>	<i>Big Four</i>	194	204	398
	Bukan <i>Big Four</i>	65	79	144

Berdasarkan keputusan ujian Khi Kuasa Dua daripada Jadual 13, didapati bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan secara statistik antara kategori firma audit dengan pendedahan IFR apabila IFRC dan N-IFRC dibandingkan pada aras keertian 5%. Keputusan ini menolak  $H_0$  dengan memberi maksud bahawa tidak terdapat hubungan antara kategori firma audit dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet.

**Jadual 13: Ujian Khi Kuasa Dua bagi hubungan antara firma audit dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet**

	<b>Nilai Khi Kuasa Dua</b>	<b><i>df</i></b>	<b>Tahap Signifikan</b>
<b>Khi Kuasa Dua Pearson</b>	0.551	1	0.458**

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%

*df* ialah darjah kebebasan

Kesimpulannya, hasil ujian statistik ke atas penentu syarikat menunjukkan bahawa saiz syarikat, keberuntungan syarikat dan jenis industri mempunyai hubungan yang positif dengan amalan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet. Namun begitu, kecairan syarikat, leveraj syarikat dan saiz firma audit tidak mempunyai hubungan dengan pendedahan maklumat maklumat kewangan menerusi Internet.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini dapat merumuskan enam dapatan utama iaitu;

### *i. Saiz syarikat*

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa saiz syarikat mempunyai hubungan yang positif dengan pendedahan IFR. Ini bermakna syarikat yang bersaiz besar akan lebih terlibat dalam IFR berbanding dengan syarikat yang bersaiz kecil. Hasil kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004), Oyelere *et. al* (2003), Craven dan Marston (1999) dan Ashbaugh *et. al* (1999). Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, syarikat yang lebih besar akan meningkatkan pendedahan maklumat kewangan bagi mengurangkan kos-kos agensi dan ketidakseimbangan maklumat yang timbul daripada konflik faedah antara pemegang saham, pengurus dan penghutang. Biasanya syarikat yang bersaiz besar mempunyai inisiatif yang lebih tinggi untuk mendedahkan maklumat kewangan berbanding dengan syarikat yang bersaiz kecil supaya dapat mengurangkan kos-kos politik dan kos-kos pemilikan.

### **ii. Keuntungan syarikat**

Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara keberuntungan syarikat dengan pendedahan IFR. Keputusan kajian ini menyokong Teori Agensi, *Signaling Theory* dan Teori Proses Politik yang telah dijelaskan dalam kajian Inchausti (1997). Biasanya syarikat yang memperoleh keuntungan yang lebih besar cenderung mendedahkan maklumat kewangan untuk membuktikan tahap keberuntungan syarikat, mengekalkan nilai syer syarikat di pasaran dan mendapatkan kelebihan tersendiri. Syarikat yang memperoleh kadar pulangan yang rendah pula cuba mengurangkan pendedahan bagi menyembunyikan kerugian atau pengurangan keuntungan. Maka syarikat yang memperoleh keuntungan yang lebih besar akan mendedahkan maklumat kewangan yang lebih banyak berbanding dengan syarikat yang memperoleh keuntungan yang lebih kecil atau mengalami kerugian. Keputusan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004) serta Ashbaugh *et.al.* (1999).

### **iii. Jenis industri**

Dengan mengkaji hubungan antara jenis industri dengan pendedahan IFR, di dapati kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan yang positif. Ini bermakna jenis industri yang berlainan mempunyai tahap pendedahan IFR yang berbeza. Teori Proses Politik dan *Signaling Theory* yang dicadangkan dalam kajian Craven dan Marston (1999) dapat menyokong hasil kajian ini yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara jenis industri dengan pendedahan IFR. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam jenis industri yang sama cenderung menerima tahap pendedahan maklumat kewangan

yang sama tetapi tahap pendedahan adalah berbeza antara jenis industri yang berlainan. Selain itu, hasil kajian ini juga selari dengan keputusan kajian Oyelere et.al. (2003).

*iv. Kecairan syarikat*

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecairan syarikat dengan pendedahan IFR. Syarikat-syarikat yang mempunyai kecairan yang tinggi biasanya akan mendedahkan maklumat kewangan menerusi internet untuk menunjukkan kedudukan tahap kecairan syarikat yang baik kepada pengatur, pelabur dan pengguna-pengguna syarikat yang lain bagi menarik minat mereka untuk membuat pelaburan dalam syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang mempunyai kecairan yang rendah juga cenderung untuk terlibat dalam IFR bagi mengurangkan kecurigaan pemegang saham terhadap kedudukan kewangan syarikat dalam memenuhi tanggungjawab atau tuntutan liabiliti semasa. Ini menunjukkan bahawa pendedahan IFR tidak mempunyai hubungan dengan tahap kecairan sesebuah syarikat.

**v. Leveraj syarikat**

Secara umumnya, syarikat yang mempunyai kadar leveraj yang tinggi akan mendedahkan maklumat kewangan menerusi internet untuk mengurangkan kos agensi dengan memudahkan pembekal hutang menilai keupayaan syarikat untuk memenuhi tanggungjawab kepada mereka. Walau bagaimanapun, syarikat yang mempunyai kadar leveraj yang rendah juga cenderung untuk mendedahkan maklumat kewangan menerusi internet bagi menunjukkan kedudukan hutang syarikat yang baik kepada orang ramai. Ini bertujuan untuk membina keyakinan pemegang saham terhadap keupayaan syarikat yang tinggi untuk memenuhi obligasi kewangan kepada pemiutang-pemiutang syarikat dan menarik minat orang ramai membuat pelaburan dalam syarikat. Maka, tahap leveraj sesebuah syarikat bukanlah faktor penentu amalan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet. Keputusan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Mohamed Hisham dan Hafiz-Majdi (2004) dan Oyelere *et. al* (2003).

**vi. Firma audit**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara saiz firma audit dengan pendedahan IFR. Ini menunjukkan bahawa pendedahan maklumat kewangan menerusi internet tidak dipengaruhi oleh saiz firma audit. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi pendedahan IFR antara syarikat yang diaudit oleh firma audit yang bersaiz besar dengan syarikat yang diaudit oleh firma audit yang bersaiz kecil.

**KESIMPULAN DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG**

Kajian ini membentangkan dapatan yang berkaitan dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet bagi syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengetahui sama ada wujud hubungan di antara pendedahan maklumat kewangan menerusi internet dengan saiz syarikat, keberuntungan syarikat, jenis industri, kecairan syarikat, leveraj syarikat dan firma audit yang mengaudit syarikat. Seterusnya kajian ini turut mengkaji amalan terkini pendedahan maklumat kewangan menerusi internet. Hasil kajian menunjukkan bahawa

65.9% (357 buah syarikat) mempunyai laman web di kalangan syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa saiz syarikat, keberuntungan syarikat dan jenis industri adalah antara penentu amalan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet bagi syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia, manakala kecairan syarikat, leveraj syarikat dan saiz firma audit tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendedahan IFR.

Kajian ini hanya memberi pemahaman tentang amalan IFR di Malaysia dan tertakluk kepada beberapa batasan. Keadaan ini memberi peluang kepada pengkaji lain untuk menjalankan kajian lanjutan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan dapatan kajian literatur tentang amalan IFR di Malaysia. Pengkaji merasakan beberapa kajian lanjutan yang boleh dijalankan pada masa akan datang. Pertama, kajian ini hanya tertumpu kepada syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sahaja. Oleh itu, kajian ke atas syarikat-syarikat lain yang tersenarai di Papan Kedua Bursa Malaysia dan MESDAQ boleh dilakukan. Kedua, hanya enam ciri-ciri syarikat iaitu (1) saiz syarikat, (2) keuntungan syarikat, (3) jenis industri, (4) kecairan syarikat, (5) leveraj syarikat dan (6) kategori firma audit digunakan untuk mengkaji hubungannya dengan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet. Maka, ciri-ciri syarikat yang lain seperti status penyenaian, keantarabangsaan, kepelbagaian, kekompleksan dan penyebaran saham boleh dikaji dalam kajian akan datang.

Ketiga, kajian ke atas pemboleh ubah lain yang tertentu terhadap persekitaran IFR supaya dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang amalan IFR. Faktor yang boleh dikaji termasuklah umur dan tahap pendidikan pengarah atau pengurus syarikat, sikap pengurusan terhadap teknologi maklumat dan idea baru, umur dan strategi bagi setiap syarikat dalam industri masing-masing serta peringkat kitaran hayat bagi produk utama syarikat. Faktor ini akan mempengaruhi tujuan penggunaan internet untuk mendedahkan maklumat kewangan secara sukarela. Keempat, kajian mengenai isu-isu lain yang berkaitan dengan pendedahan IFR seperti kekerapan dan ketepatan masa IFR, tahap minat dan permintaan pengguna terhadap IFR, kekerapan laman web syarikat dilawat untuk tujuan muat turun atau melihat maklumat kewangan. Isu ini khususnya berkaitan dengan faedah perkembangan pelaporan atas talian secara berterusan. Pelaporan atas talian secara berterusan merupakan amalan bagi syarikat untuk mendedahkan maklumat kewangan atau bukan kewangan secara serentak dengan, atau dalam tempoh yang pendek.



## **RUJUKAN:**

Allam, A. and Lymer, A. (2002). Developments in Internet Financial Reporting: Review & Analysis across Five Developed Countries. [http://www.business.bham.ac.uk/bbs/static/images/cme\\_resources/Users/Lymer/development%20paper.pdf](http://www.business.bham.ac.uk/bbs/static/images/cme_resources/Users/Lymer/development%20paper.pdf)

Ashbaugh, H., Johnstone, K.M. and Warfield, T.D. (1999). "Corporate Reporting on the Internet". *Accounting Horizons*. 13(3): 241-257.

Brennan, N. and Hourigan, D. (1998). "Corporate Reporting on the Internet by Irish Companies". *Accountancy Ireland*. 30(6): 18-21.

Craven, B.M. and Marston, C.L. (1999). "Financial Reporting on the Internet by Leading UK Companies". *The European Accounting Review*. 8(2): 321-333.

Debrecency, R., Gray, G.L. and Rahman, A. (2002). "The determinants of Internet financial reporting". *Journal of Accounting and Public Policy*. 21: 371-394.

Deller, D., Stubenrath, M. and Weber, C. (1999). "A Survey on the Use of the Internet for Investor Relations in the USA, the UK and Germany". *The European Accounting Review*. 8(2): 351-364.

Fathilatul Zakimi Abdul Hamid. (2005). "Malaysian companies' use of the internet for investor relations". *Corporate Governance: The International Journal of Business in Society*. Vol. 5 (1): 5-14.

Fisher, R., Oyelere, P. and Laswad, F. (2004). "Corporate reporting on the Internet: Audit issues and content analysis of practices". *Managerial Auditing Journal*. Vol. 19(3): 412-438.

Heizer, J. and Render, B. (2001). *Operations Management*. 7th edition, New Jersey: Pearson Education International.

Inchausti, B.G. (1997). "The Influence of Company Characteristics and Accounting Regulation on Information Disclosed by Spanish Firms". *The European Accounting Review*. 6(1): 45-68.

Iqbal, Khadaroo, M. (2005). "Business reporting on the internet in Malaysia and Singapore: A comparative study". *Corporate Communications: An International Journal*. 10(1): 58-68.

Jensen M.C. and Meckling W.H. (1976). "Theory of the Firm: Managerial Behavior, Agency Costs and Ownership Structure". *Journal of Financial Economics*. 3(4): 305-360.

Kamarulbaraini Keliwon and Khairul Azman Aziz (2005). "Web Financial Reporting In Malaysia: The Current Stage". *Proceedings of International Conference on E-Commerce 2005*. January 10-11. Selangor, Malaysia: 59-65.

Laswad, F., Fisher, R. and Oyelere, P. (2005). "Determinants of voluntary Internet financial reporting by local government authorities". *Journal of Accounting and Public Policy*. 24: 101-121.

Marston, C. (2003). "Financial Reporting on the Internet by Leading Japanese Companies". *Corporate Communications*. 8(1): 23-34.

McDonald, R. and Lont, D. (2001). "Financial Reporting on the Web – A 2001 Review". *Chartered Accountants Journal*: 64-68.

Mohamed Hisham Haniffa and Hafiz-Majdi Ab. Rashid (2004). "The Determinants of Voluntary Disclosures in Malaysia: The Case of Internet Reporting". *Proceedings Universiti Tenaga Nasional International Business Management Conference 2004*. Disember 6-7. Kuantan, Pahang, Malaysia: 1-16.

Noor Azizi Ismail and Mahamad Tayib (2000). "Financial Reporting Disclosure on the Internet by Malaysian Public Listed Companies". *Akauntan Nasional*. 13(10): 28-33.

Owusu-Ansah, S. (1998). "The Impact of Corporate Attributes on the Extent of Mandatory Disclosure and Reporting by Listed Companies in Zimbabwe". *The International Journal of Accounting*. 33: 605-631.

Oyelere, P., Laswad, F. and Fisher, R. (2003). "Determinants of Internet Financial Reporting by New Zealand Companies". *Journal of International Financial Management and Accounting*. 14(1): 26-61.

Pirchegger, B. and Wagenhofer, A. (1999). "Financial Information on the Internet: A Survey of the Homepages of Austrian Companies". *The European Accounting Review*. 8(2): 383-395.

Pervan, I. (2005). "Financial Reporting on the Internet and the Practice of Croatian Joint Stock Companies Quoted on the Stock Exchange". *Financial Theory and Practice*. 29(2): 159-174.

Rosli Mohamad, Mudzimir Mohamed and Amdan Mohamed (2003). "Internet Financial Reporting (IFR) in Malaysia: A Survey of Contents and Presentations". *Accounting Seminar 2003*. December 8-10. Putra Palace, Kangar Perlis.

Salleh Hassan, Nahariah Jaffar, Mazlina Mat Zain and Johl, S. K. (2002). "Financial Reporting on the Net: A Useful Investment?" *Akauntan Nasional*: 28-32.

Singhvi, S.S. and Desai, H.B. (1971). "An Empirical analysis of the Quality of Corporate Financial Disclosure". *The Accounting Review*. 46: 129-138.

Statistik Penyenaraian Bursa Malaysia. Listing Statistics. (2004).  
<http://www.bursamalaysia.com/website/listing/listingstats.htm>

Trabelsi, S., Labelle, R. and Laurin, C. (2004). "CAP Forum on E-Business: The Management of Financial Disclosure on Corporate Websites: A Conceptual Model". *Canadian Accounting Perseptives*. Vol. 3(2): 235-259.

Wallace, R.S.O. and Naser, K. (1995). "Firm Specific Determinants of Comprehensiveness of Mandatory Disclosure in the Corporate Annual Reports of Firms on the Stock Exchange of Hong Kong". *Journal of Accounting and Public Policy*. 14: 311-368.